

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4 TAHUN 2009

PENGECUALIAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN :
ARKITEK GRED J41, JURUTERA GRED J41, PUSTAKAWAN GRED S41, PEGAWAI PERUBATAN GRED UD41/43/47, PEMBANTU PERUBATAN / PEMBANTU FARMASI / JURURAWAT GRED U29 DAN PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17.

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai pengecualian Peperiksaan Perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan bagi Skim Perkhidmatan Arkitek Gred J41, Jurutera Gred J41, Pustakawan Gred S41, Pegawai Perubatan Gred UD41/43/47, Pembantu Perubatan Gred U29, Pembantu Farmasi Gred U29, Jururawat Gred U29 dan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17.

LATARBELAKANG

2. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bertarikh 3 Oktober 2006, semua jawatan pentadbiran dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.
3. Setelah diteliti, dikaji dan disemak semula selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2002 (Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia bagi Perkhidmatan Awam) mendapati Skim Perkhidmatan Arkitek Gred J41, Jurutera Gred J41, Pustakawan Gred S41, Pegawai Perubatan Gred UD41/43/47, Pembantu Perubatan Gred U29, Pembantu Farmasi Gred U29, Jururawat Gred

U29 dan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 tidak dikehendaki menduduki Peperiksaan Perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

PENGECUALIAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

3. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil.2 Tahun 2009 bertarikh 14 April 2009 bersetuju supaya skim perkhidmatan yang berikut diberi pengecualian peperiksaan dalam perkhidmatan berdasarkan kelayakan profesional bagi skim tersebut;
- (a) Arkitek Gred J41
 - (b) Jurutera Gred J41
 - (c) Pustakawan Gred S41
 - (d) Pegawai Perubatan Gred UD41/43/47
 - (e) Pembantu Perubatan Gred U29
 - (f) Pembantu Farmasi Gred U29
 - (g) Jururawat Gred U29 dan
 - (h) Penjaga Jentera Elektrik Gred R17

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 1 April 2009.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh :

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/pp4_09

